

**PERMASALAHAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM  
KALANGAN MURID SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA DI DAERAH  
BATU PAHAT, JOHOR.**

**TAN HUI HIAN**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian  
syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan)

Sekolah Pendidikan  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2021

## **DEDIKASI**

Laporan projek ini ingin dedikasi kepada keluarga saya yang sentiasa menemani saya dalam menghadapi sebarang cabaran. Laporan projek juga ingin dedikasi kepada murid-murid saya yang sentiasa mencapai cemerlang dalam pembelajaran mereka.

## **PENGHARGAAN**

Dalam menyediakan laporan projek ini, saya telah mendapat bantuan daripada ramai orang. Terutamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya Prof Madya Zainudin Bin Abu Bakar yang banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya. Beliau juga sentiasa memberikan galakan kepada saya dalam proses menyiapkan tesis. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar beliau, saya yakin saya tidak dapat menyiapkan tesis ini dengan sempurna.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga saya yang sentiasa memberikan dorongan dan galakkan kepada saya. Walaupun saya telah berkorban masa dalam menemani mereka, namun mereka tetap menyokong saya untuk menyiapkan pembelajaran Sarjana saya.

Seterusnya, saya juga berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan maklumat dan mengongsikan idea dengan saya. Akhirnya, saya juga menghargai Universiti Teknologi Malaysia yang memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran saya.

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka permasalahan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC di daerah Batu Pahat, Johor. Sampel kajian terdiri daripada 6 orang murid Tahun 5 yang dipilih secara rawak berdasarkan kriteria tertentu. Kajian ini ialah kajian kualitatif dan instrumen temu bual digunakan dalam pengumpulan data. Triangulasi data dijalankan dengan temu bual bersama guru mata pelajaran Bahasa Melayu dan analisis dokumen responden. Data terkumpul dianalisis secara pengkodan kata kunci dan analisis tematik. Terdapat empat aspek yang dikaji dalam kajian iaitu perspektif murid, peranan dan sokongan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya dan peluang penggunaan Bahasa Melayu di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peranan ibu bapa merupakan faktor yang paling penting dalam mempengaruhi pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Seterusnya, faktor perspektif murid juga menunjukkan bahawa murid yang berprestasi tahap rendah tidak minat akan Bahasa Melayu. Pengaruh rakan sebaya dan peluang penggunaan Bahasa Melayu bukan faktor utama yang mempengaruhi pembelajaran Bahasa Melayu murid-murid. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa aspek paling penting dalam permasalahan pembelajaran murid ialah peranan ibu bapa dan diikuti dengan pengaruh rakan sebaya. Aspek yang kurang memberikan impak ialah perspektif murid dan peluang penggunaan Bahasa Melayu di sekolah.

## **ABSTRACT**

This study aimed to explore the problems of learning Malay Languages among students SJKC in Batu Pahat, Johor. Sample of this study consisted of six Year 5 students who were randomly selected based on certain criteria. This study is a qualitative study and interview instrument was used in data collection. Triangulation of data is carried out by interviews with teacher respondents and document analysis. The collected data were analyzed by keyword coding and thematic analysis. There are four main aspects in the study that are student perspectives, role of parents support, peer pressure and the circumstances of using Malay languages in schools. The results showed that the role of parents is the most important factor in influencing student achievement in Malay Language. Next, the student perspective also shows that low levels achievement student normally not interest in learning Malay. Peer influence and the use of Malay Language in school is not the main factor affecting learning problems. Therefore, it can be concluded that the most important aspect in student learning problems is the role of parents and followed by peer influence.

## **SENARAI KANDUNGAN**

	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGAKUAN</b>		iii
<b>DEDIKASI</b>		iv
<b>PENGHARGAAN</b>		v
<b>ABSTRAK</b>		vi
<b>ABSTRACT</b>		vii
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>		viii
<b>SENARAI JADUAL</b>		xii
<b>SENARAI RAJAH</b>		xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>		xv
 <b>BAB 1 PENGENALAN</b>	 1	
1.1 Pengenalan	1	
1.2 Latar Belakang Kajian	2	
1.3 Pernyataan Masalah	5	
1.4 Objektif Kajian	6	
1.5 Persoalan Kajian	7	
1.6 Kerangka Konsep	8	
1.7 Kerangka Teori	8	
1.8 Kepentingan Kajian	10	
1.8.1 Pihak Pentadbir Sekolah	10	
1.8.2 Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia	10	
1.8.3 Guru	11	
1.8.4 Pelajar, Penyelidik dan Masyarakat	11	
1.9 Skop Kajian	12	
1.10 Definisi Istilah	12	

1.10.1 Mata Pelajaran Bahasa Melayu	13
1.10.2 Sekolah Jenis Kebangsaan	13
1.10.3 Persepsi	13
1.10.4 Sokongan Ibu Bapa Dalam Penggunaan Bahasa Melayu	14
1.10.5 Amalan Penggunaan Bahasa Melayu Bersama Rakan Sebaya	14
1.10.6 Amalan Penggunaan Bahasa Melayu Di Sekolah	14
1.11 Kesimpulan	14
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>	<b>17</b>
2.1 Pengenalan	17
2.2 Teori Pembelajaran Bandura	17
2.3 Teori Ekologi Bronfenbrenner	18
2.4 Perspektif atau Sikap Murid terhadap Penggunaan Bahasa Melayu	19
2.5 Penggunaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid SJKC	21
2.6 Peranan dan Sokongan Ibu Bapa	23
2.7 Pengaruh Rakan Sebaya dan Sekolah	25
2.8 Kesimpulan	26
<b>BAB 3 KAEADAH METODOLOGI</b>	<b>27</b>
3.1 Pengenalan	27
3.2 Reka Bentuk Kajian	27
3.3 Lokasi Kajian	28
3.4 Populasi dan Sampel Kajian	29
3.5 Instrumen Kajian	29
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	31
3.7 Kaedah Analisis Data	32
3.7.1 Kebolehpercayaan Dapatan	33
3.8 Kesimpulan	34

<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>35</b>
4.1	Pengenalan	35
4.2	Bahagian A : Analisis Permasalahan Umum	35
4.3	Bahagian B: Analisis Perspektif Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu	37
4.3.1	Analisis Temu Bual Bahagian B (Item 3)	37
4.3.2	Analisis Temu Bual Bahagian B (Item 4)	38
4.3.3	Analisis Temu Bual Bahagian B (Item 5)	39
4.3.4	Analisis Temu Bual Bahagian B (Item 6)	41
4.3.5	Persoalan Kajian 1: Bagaimanakah permasalahan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC daripada perspektif murid?	42
4.4	Bahagian C: Sokongan dan Peranan Ibu Bapa dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Murid SJKC	43
4.4.1	Analisis Temu Bual Bahagian C (Item 7)	43
4.4.2	Analisis Temu Bual Bahagian C (Item 8)	44
4.4.3	Analisis Temu Bual Bahagian C (Item 9)	46
4.4.4	Analisis Temu Bual Bahagian C (Item 10)	48
4.4.5	Persoalan Kajian 2: Bagaimanakah permasalahan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC daripada perspektif sokongan ibu bapa.	49
4.5	Dapatkan Bahagian D: Keadaan Penggunaan Bahasa Melayu Murid Dalam Kalangan Rakan Sebaya	51
4.5.1	Analisis Temu Bual Bahagian D (Item 11)	51
4.5.2	Analisis Temu Bual Bahagian D (Item 12)	52
4.5.3	Analisis Temu Bual Bahagian D (Item 13)	54
4.5.4	Persoalan Kajian 3: Bagaimanakah permasalahan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC daripada perspektif peluang menggunakan Bahasa Melayu bersama rakan sebaya.	55
4.6	Dapatkan Bahagian E: Perspektif Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah.	56
4.6.1	Analisis Temu Bual Bahagian E (Item 14)	56
4.6.2	Analisis Temu Bual Bahagian E (Item 15)	58

4.6.3	Transkrip Temu Bual Bahagian E (Item 16)	59
4.6.4	Persoalan Kajian 4: Bagaimanakah permasalahan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC daripada perspektif pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah?	62
4.7	Analisis Transkrip Temu Bual Guru Responden	62
4.7.1	Transkrip Temu bual Guru Mata Pelajaran	63
4.7.2	Analisis Perspektif Guru Mata Pelajaran BM	64
4.7.3	Analisis Dokumen	65
4.8	Rumusan Dapatan Kajian	67
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN AKAN DATANG</b>	<b>69</b>
5.1	Pengenalan	69
5.2	Perbincangan	69
5.2.1	Permasalahan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid SJKC daripada Perspektif Murid	70
5.2.2	Permasalahan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid SJKC daripada Perspektif Sokongan Ibu Bapa	71
5.2.3	Permasalahan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid SJKC daripada Perspektif Peluang Menggunakan Bahasa Melayu Bersama Rakan Sebaya	72
5.2.4	Permasalahan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid SJKC daripada Perspektif Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah	74
5.3	Keputusan	75
5.4	Implikasi Kajian	75
5.5	Cadangan Kajian	76
5.5.1	Cadangan Kepada Pihak Sekolah	76
5.5.2	Cadangan Kepada Pihak Ibu Bapa	76
5.5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	77
5.6	Kesimpulan	77
<b>RUJUKAN</b>	<b>79</b>	

## **SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 4.1	Permasalahan Umum	35
Jadual 4.2	Transkrip Temu Bual Bahagian B Persepi Pelajar (Item 3)	37
Jadual 4.3	Analisis Tematik Bahagian B Persepi Pelajar (Item 3)	37
Jadual 4.4	Transkrip Temu Bual Bahagian B Persepi Pelajar (Item 4)	38
Jadual 4.5	Analisis Tematik Bahagian B Persepi Pelajar (Item 4)	39
Jadual 4.6	Transkrip Temu Bual Bahagian B Persepi Pelajar (Item 5)	40
Jadual 4.7	Analisis Tematik Bahagian B Persepi Pelajar (Item 5)	40
Jadual 4.8	Transkrip Temu Bual Bahagian B Persepi Pelajar (Item 6)	41
Jadual 4.9	Analisis Tematik Bahagian B Persepi Pelajar (Item 6)	41
Jadual 4.10	Analisis Tematik Bahagian B: Persepi Pelajar	42
Jadual 4.11	Transkrip Temu Bual Bahagian C (Item 7)	43
Jadual 4.12	Analisis Tematik Transkrip Temu Bual Bahagian C (Item 7)	44
Jadual 4.13	Transkrip Temu Bual Bahagian C (Item 8)	45
Jadual 4.14	Analisis Tematik Transkrip Temu Bual Bahagian C (Item 8)	45
Jadual 4.15	Transkrip Temu Bual Bahagian C (Item 9)	46
Jadual 4.16	Analisis Tematik Transkrip Temu Bual Bahagian C (Item 9)	47
Jadual 4.17	Transkrip Temu Bual Bahagian C (Item 10)	48
Jadual 4.18	Analisis Tematik Transkrip Temu Bual Bahagian C (Item 10)	48
Jadual 4.19	Analisis Tematik Bahagian C	49
Jadual 4.20	Analisis Tematik Bahagian C	50

Jadual 4.21	Transkrip Temu Bual Bahagian D (Item 11)	51
Jadual 4.22	Analisis Tematik Transkrip Temu Bual Bahagian D (Item 11)	51
Jadual 4.23	Transkrip Temu Bual Bahagian D (Item 12)	52
Jadual 4.24	Analisis Tematik Transkrip Temu Bual Bahagian D (Item 12)	53
Jadual 4.25	Transkrip Temu Bual Bahagian D (Item 13)	54
Jadual 4.26	Analisis Tematik Transkrip Temu Bual Bahagian D (Item 13)	54
Jadual 4.27	Analisis Tematik Bahagian D	55
Jadual 4.28	Analisis Tematik Bahagian D	56
Jadual 4.29	Transkrip Temu Bual Bahagian E (Item 14)	57
Jadual 4.30	Analisis Tematik Transkrip Temu Bual Bahagian E (Item 14)	57
Jadual 4.31	Transkrip Temu Bual Bahagian E (Item 15)	58
Jadual 4.32	Analisis Tematik Transkrip Temu Bual Bahagian E (Item 15)	58
Jadual 4.33	Transkrip Temu Bual Bahagian E (Item 16)	59
Jadual 4.34	Analisis Tematik Transkrip Temu Bual Bahagian E (Item 16)	60
Jadual 4.35	Analisis Tematik Bahagian E	62
Jadual 4.36	Perspektif Guru Mata Pelajaran BM Terhadap Responden	64
Jadual 4.37	Analisis Buku Responden	65

## **SENARAI RAJAH**

<b>NO.RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1.1	Kerangka Konsep	8
Rajah 1.2	Kerangka Teori	9
Rajah 3.1	Triangulasi Data	34

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Lampiran A BORANG EPRD	85	
Lampiran B KELULUSAN ERAS	87	

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Dalam sistem pendidikan negara kita, Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras yang perlu dibelajari dalam semua peringkat sekolah rendah (Chew Fong Peng 2016). Akta Pendidikan 1996 telah memperuntukkan bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu perlu menjadi bahasa pengantar dalam semua sekolah. Dalam Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), sebab Bahasa Cina ialah bahasa pengantar, jadi, Bahasa Melayu wajib dijadikan mata pelajaran teras dalam semua aliran sekolah rendah.

Dalam sekolah rendah, waktu yang ditetapkan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan ialah 160 jam setahun bagi Tahap 1. Masa yang diperuntukkan bagi Tahap 2 adalah 128 jam setahun (Surat Pekeliling Ikhtisas KPM, Bil 8 Tahun 2016). Selain itu, berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil 9 Tahun 2016, masa yang diperuntukan untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah kebangsaan pula ialah 128 jam setahun.

Bahasa Melayu merupakan Bahasa Kebangsaan di Malaysia. Semua warganegara patut menguasai Bahasa Melayu. Namun, sebagai bahasa bukan ibunda bagi murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, apa cabaran yang dihadapi sekarang? Dunia modenisasi ini merupakan dunia yang lebih berorientasikan sains dan teknologi serta menggunakan prasarana teknologi maklumat terkini dalam kehidupan harian. (Juriah et al. 2001, dalam Masyuniza, 2015).

Chew Fong Peng (2016) pernah menjalankan kajian dan mendapati kebanyakan pelajar Cina tidak dapat menguasai Bahasa Melayu dengan memuaskan. Isu tahap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan berbangsa Melayu

juga sentiasa dibangkitkan. Tahap penguasaan Bahasa Melayu murid berbangsa Cina masih berada dalam tahap yang kurang memuaskan. Kajian Chew berpendapat bahawa kebanyakan murid-murid berbangsa Cina jarang menggunakan Bahasa Melayu dalam kehidupan harian dan jarang membaca buku cerita Bahasa Melayu.

Seterusnya, kajian dalam Abd Rashid Jamian (2001) juga mendapati bahawa murid-murid SJKC menghadapi masalah dalam penguasaan Bahasa Melayu kerana mereka menganggap Bahasa Melayu merupakan bahasa yang sukar difahami dan sukar dikuasai. Kajian ini juga mendapati terdapat 70% dalam kalangan murid bukan berbangsa Melayu berasa mereka tidak dapat memahami apa yang ingin disampaikan oleh guru jika guru memberikan penerangan dalam Bahasa Melayu.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Dalam bidang pendidikan, Bahasa Melayu dimartabatkan sebagai bahasa utama selain daripada menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Sebelum merdeka, Dasar Pendidikan Kebangsaan melalui Penyata Razak (1956) telah menetapkan bahawa kanak-kanak berlainan bangsa perlu mempelajari isi kandungan kurikulum yang sama di Malaysia. Walaupun Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dapat menggunakan bahasa vernakular sebagai bahasa pengantar, Bahasa Melayu tetap merupakan subjek teras yang penting. Murid-murid SJK yang tidak dapat menguasai Bahasa Melayu dengan tahap memuaskan perlu mengikuti kelas peralihan apabila memasuki sekolah menengah untuk mengukuhkan mata pelajaran Bahasa Melayu mereka.

Dalam sistem pendidikan Malaysia, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 dan telah disemak semula bagi memenuhi dasar baharu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Pada tahun 2021 sekarang, PPPM telah masuk bermula Gelombang 3 (2021-2025) iaitu menganjak ke arah kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi. PPPM telah menekankan enam aspirasi murid yang

sangat penting iaitu pengetahuan, kemahiran dwibahasa, kemahiran berfikir, etika dan kerohanian, kemahiran memimpin dan identiti nasional.

Berdasarkan PPPM, dalam aspirasi kemahiran dwibahasa, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berharap bahawa:

*“...setiap kanak-kanak akan menguasai bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan serta bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa sekurang-kurangnya pada tahap minima. Dengan tahap penguasaan bahasa ini selepas menamatkan persekolahan, murid sepatutnya berupaya menggunakan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam persekitaran kerja. Di samping itu, Kementerian akan menggalakkan semua murid mempelajari bahasa lain sebagai bahasa tambahan.”*

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015

*“...Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian.”*

Matlamat Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Melayu  
Sekolah Jenis Kebangsaan

Pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah berfokus kepada dua kemahiran utama iaitu kemahiran literasi pada Tahap I (Tahun 1, Tahun 2, dan Tahun 3) dan Kemahiran Aplikasi Bahasa pada Tahap II (Tahun 4, Tahun 5, dan Tahun 6) supaya murid-murid lebih berketerampilan berbahasa dalam bentuk lisan dan bertulis. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018)

Hassan Omar (2014) dalam Berita Harian pernah menulis sebuah berita bertajuk “SJK perlu pertingkat program pembelajaran Bahasa Melayu.” Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid lepasan SJK membuktikan sistem pembelajaran Bahasa Melayu di SJKC belum berjaya menghasilkan murid yang benar-benar menguasai Bahasa Kebangsaan. Manakala berita yang ditulis oleh Meor Ahmad Nasrin Rizal Ishak (2018), Timbalan Menteri Pendidikan II ketika itu, Datuk Chong Sin Woon telah menubuhkan Jawatankuasa Meningkatkan Standard Penguasaan Bahasa Melayu di Sekolah Jenis

Kebangsaan Cina (SJKC). Jawatankuasa ini ditubuhkan kerana beliau mendapati 15 peratus murid SJKC gagal mendapat pencapaian minimum iaitu sekurang-kurangnya gred D bagi subjek Bahasa Melayu dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Roasharimah (2017) pernah mengatakan dalam kajiannya bahawa masalah pembejaran Bahasa Melayu berlaku apabila bahasa ini merupakan bahasa kedua dan bukan bahasa ibunda murid-murid. Pembelajaran Bahasa Melayu bukan sesuatu proses yang mudah. Hal ini disokong oleh Ilangko et. al (2013) di mana kajian beliau mendapati pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa bukan ibunda telah menjadi sesuatu cabaran kepada pelajar di negeri Sarawak. Dengan ini, meneroka dan mengenal pasti faktor utama masalah pembelajaran Bahasa Melayu merupakan perkara yang penting bagi pengkaji.

Selain itu, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa sikap dan persepsi murid sendiri terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu yang paling penting dalam mempengaruhi prestasi mereka. Wan Muna Ruzanna (2017) mendapati bahawa responden dalam kajiannya dapat meningkatkan prestasi mereka apabila mereka bersikap positif dalam belajar Bahasa Melayu. Jerie dan Zamri (2011) juga mengatakan bahawa faktor sikap merupakan penyumbang utama kepada peningkatan prestasi Bahasa Melayu murid-murid.

Saraswathy et. al. (2017) pernah menjalankan kajian tentang pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Murid di Sekolah Tamil. Dapatan beliau menunjukkan terdapat hubungan antara sikap murid terhadap Bahasa Melayu dan pencapaian mereka dalam Bahasa Melayu. Beliau mendapati murid-murid yang cemerlang akan berusaha dengan lebih gigih. Mereka bukan sahaja menumpukan perhatian dalam kelas, malah bersikap positif dalam memantapkan pengetahuan dan pemahaman Bahasa Melayu mereka pada waktu selain daripada waktu persekolahan.

Dengan permasalahan bahasa kedua, murid-murid SJKC mempunyai persepsi yang berlainan terhadap Bahasa Melayu. Menurut kajian Nor Hashimah Jalaluddin pada 2013, beliau telah menjalankan soal selidik dengan seramai 1523 pelajar tentang persepsi mereka terhadap Bahasa Melayu. Dapatan kajian beliau menunjukkan

bahawa 44.8% murid Cina mengatakan bahawa mereka tidak suka belajar Bahasa Melayu. Persepi mereka terhadap Bahasa Melayu ialah sukar difahami, susah belajar dan tidak dapat mendapat markah yang baik dalam Bahasa Melayu.

Persepi ini mungkin disebabkan oleh amalan murid terhadap Bahasa Melayu dalam kehidupan harian. Amalan murid tentang Bahasa Melayu perlu dikaji dalam topik ini supaya dapat memahami hubungan antara murid dengan Bahasa Melayu.

Selain itu, faktor sosial juga merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi murid-murid mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu. Faktor sosial ini meliputi pengaruh rakan sebaya, pengaruh keluarga dan pengaruh warga sekolah. Dalam kajian Tengku Nor Adila (2017), beliau mendapati faktor keluarga amat penting dalam mempengaruhi sikap murid belajar Bahasa Melayu. Beliau telah membuat rumus bahawa pencapaian pelajar dalam mata pelajaran bahasa mempunyai kaitan paling rapat dengan minat keluarga pelajar tersebut dalam pencapainnya. Pelajar yang mempunyai keluarga yang mengambil berat tentang pembelajaran mereka akan mencapai prestasi yang lebih tinggi berbanding dengan keluarga yang tidak memgambil berat dengan pelajaran anaknya.

Secara keseluruhan, pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan SJKC banyak menghadapi cabaran dan perlu dikaji daripada pelbagai aspek seperti persepsi murid, pengaruh keluarga, pengaruh persekitaran seperti rakan sebaya dan warga sekolah.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Merujuk kepada latar belakang kajian, sikap dan perspektif murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan salah satu faktor yang dapat mempengaruhi pencapaian Bahasa Melayu mereka. Murid yang mempunyai sikap dan perspektif yang positif terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu akan lebih bermotivasi dalam belajar. Mereka juga menunjukkan minat untuk belajar Bahasa Melayu.

Faktor tentang rakan sebaya juga memberikan impak yang positif. Pelajar lebih berminat belajar apabila belajar bersama-sama rakan. Pusat tuisyen merupakan salah satu contoh yang berkaitan dengan pengaruh rakan sebaya. Murid akan dipengaruhi oleh rakan dan menyertai pusat tuisyen yang sama. Mereka juga berniat belajar jika terdapat kawan dalam pusat tuisyen tersebut.

Begitu juga dengan aspek sokongan ibu bapa di rumah. Sikap ibubapa yang sentiasa memberi galakkan dan dorongan kepada murid akan menambah keyakinan dan motivasi mereka untuk meningkatkan tahap pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu mereka.

Oleh itu, kajian ini akan menumpukan kepada meneroka permasalahan dalam pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Kajian ini akan meneroka masalah pembelajaran Bahasa Melayu dalam beberapa aspek. Seperti yang dibincangkan, penguasaan BM dalam kalangan murid-murid SJKC dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti persepsi murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu, pengaruh rakan sebaya terutamanya di sekolah dan sikap ibu bapa terhadap pembelajaran murid. Kajian ini akan meneroka permasalahan pembelajaran murid SJKC dalam mata pelajaran BM untuk melihat bagaimana pengaruh persepsi pelajar, rakan sebaya dan sokongan ibubapa dapat membantu mempengaruhi pembelajaran BM murid-murid.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini memfokuskan kepada beberapa objektif. Antara objektif kajian ini adalah untuk:

1.4.1 Meneroka permasalahan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC daripada perspektif murid.

1.4.2 Meneroka permasalahan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC daripada perspektif sokongan ibu bapa.

1.4.3 Meneroka permasalahan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC daripada perspektif peluang menggunakan Bahasa Melayu bersama rakan sebaya.

1.4.4 Meneroka permasalahan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC daripada perspektif pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah.

## **1.5 Persoalan Kajian**

Kajian ini juga membentuk kepada beberapa persoalan yang penting. Antara persoalan kajian yang terbentuk dalam kajian ini adalah seperti berikut:


1.5.1 Bagaimanakah permasalahan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC daripada perspektif murid.

1.5.2 Bagaimanakah permasalahan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC daripada perspektif sokongan ibu bapa.

1.5.3 Bagaimanakah permasalahan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC daripada perspektif pembelajaran Bahasa Melayu bersama rakan sebaya.

1.5.4 Bagaimanakah permasalahan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC daripada perspektif pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah.

## 1.6 Kerangka Konsep




Rajah 1.1      Kerangka Konsep

Secara keseluruhannya kerangka konsep sangat penting kerana berfokus kepada isu yang ingin dikaji. Kerangka konsep ini akan menjelaskan hubungan antara boleh ubah bersandar dan boleh ubah tidak bersandar. Kerangka konsep ini jelas menerangkan empat perspektif yang ingin dikaji dalam mempengaruhi masalah penguasaan BM dalam kalangan murid SJKC.

## 1.7 Kerangka Teori

Kerangka teori dalam kajian ini ialah Teori Pembelajaran Bandura dan Teori Ekologi Bronfenbrenner. Dalam Teori Pembelajaran Bandura, Bandura menegaskan bahawa manusia mempunyai tiga elemen yang saling berhubungkait iaitu tingkah laku, faktor kognitif dan faktor persekitaran. Hubungan mereka dapat digambarkan seperti berikut:



Rajah 1.2      Kerangka Teori

Gambar rajah di atas menunjukkan bahawa tindakan manusia adalah hasil daripada interaksi antara tiga aspek di atas. Lingkungan persekitaran individu seperti ibu bapa, rakan sebaya dan guru akan mempengaruhi kognitif individu dan mempengaruhi tingkah lakunya. Tingkah laku manusia seterusnya juga akan mempengaruhi hubungan antara individu dengan persekitaran. Ketiga-tiga aspek ini saling bergantung dan saling mempengaruhi antara satu sama lain.

Teori Ekologi Bronfenbrenner diperkembangkan oleh Urie Bronfenbrenner (1917). Teori ini mementingkan pengaruh persekitaran terhadap perkembangan kanak-kanak. Teori ini juga menjelaskan bahawa perkembangan kanak-kanak merupakan hasil interaksi antara kanak-kanak dan persekitaran kanak-kanak tersebut. Menurut Teori Bronfenbrenner, terdapat 5 sistem yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak iaitu mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem dan kronosistem. Kelima-lima sistem ini akan memberikan impak kepada kanak-kanak dalam proses pembelajaran mereka.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting kepada memahami permasalahan pembelajaran mata pelajaran BM dalam kalangan murid-murid SJKC, dan mungkin juga sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang lainnya di Malaysia. Melalui pengumpulan dan interpretasi data yang dilakukan penyelidik dapat mengenalpasti faktor-faktor berkaitan yang mempengaruhi proses pembelajaran murid-murid.

Kajian ini penting kepada sistem pendidikan negara yang berusaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Kajian ini juga penting kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan pencapaian bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan. Setiap genap lapisan masyarakat bertanggungjawab dalam meningkatkan taraf bahasa Melayu mahupun di Malaysia atau di antarabansa. Justeru, bahasa Melayu perlu dikuasai dengan baik sejak murid belajar di sekolah rendah.

### **1.8.1 Pihak Pentadbir Sekolah**

Kajian ini penting kepada pihak pentadbir sekolah kerana mereka dapat mengetahui masalah pencapaian murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada pihak pentadbir sekolah apabila membuat ‘post-motern’. Dengan hasil kajian ini, pihak pentadbir dapat merancang program-program yang lebih sesuai atau berkesan dalam membantu murid. Pihak pentadbir juga dapat menyusun semula rangangan yang sedia ada dan membantu guru yang menghadapi cabaran.

### **1.8.2 Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia**

Kajian ini akan memberikan maklumat tentang masalah pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC. Masalah ini telah menjadi suatu cabaran kepada

KPM. Dengan maklumat kajian ini, penyelidik akan memberikan suatu gambaran tentang masalah yang dihadapi oleh murid dan guru dan seterusnya dapat membantu mereka dengan sumber-sumber yang sedia ada.

### **1.8.3 Guru**

Hasil kajian ini diyakin dapat memberikan bantuan yang paling besar kepada para guru. Para guru boleh dikatakan sebagai ‘*frontliner*’ barisan hadapan dalam bidang pendidikan. Guru merupakan sumber manusia yang berhadapan dengan murid dan juga menjalankan rancangan atau program dari KPM, JPNJ, PPD dan sekolah dalam membantu murid dalam pembelajarannya. Guru yang mendapat maklumat lebih inci dalam masalah ini akan memberikan keyakinan kepada mereka untuk membantu murid.

### **1.8.4 Pelajar, Penyelidik dan Masyarakat**

Akhir sekali, kajian ini penting kepada murid-murid, penyelidik dan masyarakat. Kajian ini penting kepada murid-murid kerana mereka dapat merujuk kepada maklumat ini dan memahami masalah mereka dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Kajian ini juga penting kepada penyelidik lain kerana mereka dapat meneroka masalah yang berkaitan dengan topik ini. Seterusnya, hasil dapatan ini dapat memberi gambaran kepada anggota masyarakat yang kurang memahami fenomena pendidikan sekarang.

## **1.9 Skop Kajian**

Kajian ini mengandungi beberapa skop iaitu objektif, subjek, keputusan, tempoh masa, dan kebaikan.

### i. Objektif

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan instrument soal selidik. Pemboleh ubah tidak bersandar (IV) ialah tahap prestasi murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pemboleh ubar bersandar (DV) ialah persepsi, amalan dan motivasi murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

### ii. Subjek

Skop kajian ini akan dilaksanakan di beberapa buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Batu Pahat, Johor. Penyelidik akan mengagihkan instrumen kajian kepada murid-murid Tahun 4 di beberapa buah sekolah rendah. Tujuan memilih subjek ini adalah untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini.

### iii. Keputusan

Dapatkan kajian akan dikumpul dan penyelidik akan menggunakan aplikasi SPSS versi 22.0 untuk menganalisis data.

### iv. Kerangka Masa

Kajian ini akan mengambil masa 2 minggu untuk mengumpul data. Selepas itu, penyelidik akan menggunakan 3 hingga 4 minggu untuk menganalisis data. Akhirnya, penyelidik memerlukan 4 minggu untuk menyiapkan laporan dapatan kajian.

## **1.10 Definisi Istilah**

Definisi istilah meliputi definisi perkataan-perkataan penting yang digunakan dalam kajian ini. Definisi istilah untuk kajian ini ialah Bahasa Melayu, Sekolah Jenis Kebangsaan, persepsi, amalan dan motivasi

### **1.10.1 Mata Pelajaran Bahasa Melayu**

Kamus Dewan (2006) mendefinisikan Melayu adalah nama suatu bangsa dan bahasa terutama di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan Nurul Hardeah (2019), Bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam perakuan kejatidirian bangsa Malaysia demi memenuhi maksud kemajuan mengikut acuan sendiri, seperti yang digariskan dalam Wawasan 2020. Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya menggunakan dan memartabatkan bahasa Melayu di serantau Malaysia. Sebagai pelajar di sekolah dan menara gading, kita seharusnya mengeksplorasi bahasa Melayu supaya dapat menarik minat diri dalam mempelajari bahasa Melayu.

Dalam kajian ini, mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras yang perlu dikuasai oleh setiap murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

### **1.10.2 Sekolah Jenis Kebangsaan**

Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) merupakan sekolah vernakular di Malaysia. SJK di Malaysia terbahagi kepada dua jenis sahaja iaitu SJK(Cina) dan SJK (Tamil). Pada asasnya semasa pentadbiran British, SJK(C) dibiayai oleh masyarakat Cina manakala SJK(T) dibiayai oleh masyarakat India. Namun sekarang, kedua-dua jenis sekolah ini dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kedua-dua jenis sekolah ini masih menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar di sekolah.

### **1.10.3 Persepsi**

Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, persepsi merupakan gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran. Persepsi juga memberi maksud pandangan. Dalam kajian ini, persepsi menunjukkan kepada pandangan atau fikiran murid SJKC terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.

#### **1.10.4 Sokongan Ibu Bapa Dalam Penggunaan Bahasa Melayu**

Istilah ini dalam kajian ini bermaksud sikap ibu bapa dan pandangan ibu bapa terhadap penguasaan Bahasa Melayu anak mereka. Istilah ini juga menunjukkan kesudian ibu bapa dalam membantu murid menguasai Bahasa Melayu seperti menghantar anak menyertai kelas tuisyen atau tidak mempedulikan keadaan anak.

#### **1.10.5 Amalan Penggunaan Bahasa Melayu Bersama Rakan Sebaya**

Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, amalan bermaksud perbuatan yang baik-baik dan perbuatan yang biasa dilakukan. Dalam kajian ini, amalan menunjuk kepada penggunaan Bahasa Melayu murid dalam kehidupan harian. Istilah dalam kajian ini bermaksud kekerapan atau keadaan penggunaan Bahasa Melayu dalam kehidupan harian seperti pertuturan dengan rakan atau penyampai mesej antara rakan.

#### **1.10.6 Amalan Penggunaan Bahasa Melayu Di Sekolah**

Istilah ini dalam kajian ni bermaksud kekerapan atau keadaan penggunaan Bahasa Melayu di sekolah sama ada melalui pertuturan atau penulisan. Istilah ini juga membawa maksud keadaan penggunaan Bahasa Melayu dalam waktu pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, istilah ini juga menunjukkan kepada aktiviti-aktiviti yang dilangsung dalam sekolah seperti pertandingan bercerita, pertandingan mengarang dan sebagainya.

### **1.11 Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, Bab 1 telah menjelaskan tentang latar belakang kajian dan memberi gambaran yang jelas. Bab 1 ini juga menjelaskan objektif, persoalan dan

hipotesis kajian ini. Kerangka konsep dan kerangka teori yang berkaitan kajian turut diperkenalkan dalam Bab 1. Dalam bab seterusnya, penyelidik akan menerangkan literatur kajian dan kajian lepas yang berkaitan

## **RUJUKAN**

- Abdul Rashid Jamian (2001). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Bukan Melayu. *Jurnal Bahasa*, 1(4), 445-482.
- Abdul Rasid Jamian, (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Rendah di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 1 (1). pp. 1-12. ISSN ISSN: 2180-4842
- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin. (2008). Keupayaan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah Kebangsaan Luar Bandar. *Kertas kerja di Konvensyen Pendidikan Nasional 2008*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2 – 4 Jun 2008.
- Ahmad Johari Bin Sihes dan Sopiah Binti Marjuki (2009). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembelajaran Menggunakan Bahasa Inggeris Pelajar Tahun Satu*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Zaki Hj. Abd Latiff (2004). Teori Perubahan Sikap Ke Arah Menjana Kecemerlangan dalam Kepimpinan. *Jurnal Pendidikan*, 4, 79-85.
- Azizah Hamzah. (2010). Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya dalam *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6 (1).
- Azizi Yahaya. (2010). *Sejauh Manakah Faktor Keluarga Dapat Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Mata pelajaran Bahasa Inggeris*. Fakulti Pendidikan, UiTM.
- Azizi Yahaya & Mohamad Hasan Omar (2006). *Masalah Rakan Sebaya*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

- Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The Ecology of human development: Experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Chew Fong Peng & Lee Tan Luck. (2009). Masalah pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar Cina dan Melayu di Kuala Terengganu. *2nd International Conference Issues in Language Teaching and Learning amongst Non-Native Speaker: Language Competence and Performance*. 2-3 Disember, UiTM, Shah Alam.
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2): 10-22.
- Chong, C. K. (2003). *Hubungan Antara Sikap, Minat dan Persepsi dengan Prestasi Matematik Pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Confucian, Kuala Lumpur*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Boston, MA: Pearson Education.
- Dayang Sufilkawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2017). Pengaruh Faktor Sosial Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. ISSN: 2180-4842. Vol. 7, Bil.1 (Mei 2017): 74-84.
- Houtenville, A., & Conway, K. (2008). *Parental effort, school resources, and student achievement*. Journal of Human Resources, 43, 437-453.
- Ilangko Subramaniam, Noorulafiza Abdul Muthalib & Siti Nor Hamahida Zainal. (2013). Penggunaan bahasa ibunda dalam pengajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid peribumi di sekolah pedalaman Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (1): 65- 74.

Jerie anak Peter Langan & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 13-25.

*Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (1956). *Penyata Razak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka. Prof. Dr. Nor Hashimah Jalaluddin

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Kurikulum bersepadu sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Khairul Nizam Mohamed Zuki. (2017). Penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid berbangsa Bajau. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 6 (10): 1-11.

Low Kai Lin dan Lilia Halim (2015). *Pengaruh Penglibatan Ibu Bapa/Penjaga Dalam Pencapaian Akademik Sains Pelajar Di Sekolah Berprestasi Tinggi Melaka*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Maizatul Akmam Binti Abu Bakar (2007). *Perkaitan Antara Hubungan Keluarga Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Marchant, G.J., Paulson, S. E., dan Rothlisberg, B. A. (2001). *Relations of middle school students' perceptions of family and school contexts with academic achievement*. Psychology in the Schools, 38, 505-519.

Nor Hashimah Jalaluddin (2010). Sosiokognitif dan penguasaan pragmatic Bahasa Melayu remaja Malaysia: *Kupasan Ilmiah*. Program Linguistik UKM.

Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan, & Zaharani Ahmad. (2010). *Sosiokognitif Pelajar Remaja Terhadap Bahasa Melayu*. *Journal of Language Studies*. 10(3) 2010.

Nora' Azian Nahar (2018). Tahap penguasaan kemahiran bertutur Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. ISSN: 2180-4842. Vol. 8, Bil. 1 (Mei 2018): 74-83.

Norhaliza Binti Yusup (2016). *Sokongan Ibu Bapa Dalam Meningkatkan Pencapaian Bahasa Inggeris Pelajar Sekolah Rendah Di Sri Aman*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nuraini Yusoff. ( 2005) Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di kalangan murid Kensiu di Sekolah Rendah Kebangsaan Siong, Baling. *Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Kelangsungan Hubungan Indonesia-Malaysia 7-8 Ogos 2005*. Anjuran Universiti Utara Malaysia, Sintok.

Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods (2nd ed.)*. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.

*Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia. 2013-2025*. Kementerian Pelajaran Malaysia

Roasharimah Ibrahim. (2017). Faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi penguasaan Bahasa Melayu murid-murid Cina. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saraswathy A/P Pormalu @ Perumal, Rohaidah Kamaruddin, Paramasivam A/L Muthusamy, Ayuni Mohamad Bakari & Husna Hidayah Mansor (2017). Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Sekolah Tamil. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 5(1), 2017: 45 – 55.

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8 Kementerian Pelajaran Malaysia.

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9 Kementerian Pelajaran Malaysia Tengku Nor Adila Tengku Mohamed Salim (2017). Pengaruh sosial terhadap penulisan karangan

Bahasa Melayu murid peribumi daerah Bintulu. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan.*

Tengku Nor Faizul Tengku Embong. (2006). *Analisis kesilapan dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di kalangan pelajar-pelajar Cina.* Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.

Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2017). *Pengaruh Faktor Sosial Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Iban*

Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail, Noranizah Yusuf (2012). Faktor Persekutaran Sosial dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012) 155-172.

Zaliza Mohamad Nasir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2013). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134 ( 2014 ) 408 – 415.

Zulkifli Abd. Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad dan Isni Arif (2011). Hubungan Antara Penglibatan Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(2), 2011 31-40.